



## IMAN DALAM TINDAKAN: PEMBAIKAN DAN PENGUBAHSUAIAN HOUSE OF ST. JOSEPH

Gereja lama dahulunya gah, kini strukturnya semakin reput dan pudar. Tingkap dahulunya berkilauan, kini retak dan pecah. Gereja lama ini bukanlah semata-mata hanya sebuah bangunan bagi umat NBVM, namun ia adalah simbol warisan, komuniti dan iman mereka. Selama bertahun-tahun, idea untuk membaiki dan mengubahsuai gereja lama ini telahpun terpahat dalam hati dan fikiran para umat NBVM. Namun, impian ini kelihatan sukar dicapai atas pelbagai faktor.

Hasrat tersebut akan menjadi nyata apabila Rev. Fr. Dominic Santhiyagu, Paderi Paroki bersama ahli jawatankuasa, Dato Peter Teoh, Alex Ambrose dan Stephen Chin telah melancarkan projek pengumpulan dana untuk pembaikan dan pengubahsuaian House of St. Joseph (St. Joe's) dengan acara memotong reben pada 19 Mei 2024 yang lalu dalam penghujung Misa Minggu Pentakosta.

Jawatankuasa pembaikan House of St. Joseph telah menyediakan sebuah kotak kutipan dengan harapan para umat akan tampil ke depan untuk memberi sumbangan mengikut kemampuan masing-masing. Fr. Dominic telah memberi sumbangan sebanyak dua bulan gaji ke dalam tabung dana tersebut. Teladan kemurahan hati beliau menjadi inspirasi kepada orang lain untuk memberi dengan murah hati.

Sehingga tarikh ini, 22 Mei 2024, jawatankuasa telahpun dapat mengumpul sebanyak **RM46,929.57**.



*Ayuh! Mari kita jadikan impian ini nyata...  
Impian kita melalui tindakan kita...*